



AMPUAN HAJI BRAHIM BIN AMPUAN HAJI TENGAH

APB dan FASS UBD Membuka Peluang Penyelidikan mengenai Brunei: Antara Cabaran dan Cadangan

IKHTISAR: Kertas kerja ini – dengan mengguna-pakai pendekatan kualitatif dan kaedah sorotan literatur – membincangkan mengenai APB (Akademi Pengajian Brunei) dan FASS (Fakulti Sastera dan Sains Sosial) di UBD (Universiti Brunei Darussalam) dari segi sejarah penubuhannya; “nice area” bagi kedua-dua fakulti; dan bidang-bidang penyelidikan dengan kepakaran yang ada di kedua-dua fakulti. “Nice area” bagi APB UBD ialah kesultanan dan budaya Brunei, yang berteraskan MIB (Melayu Islam Beraja). Sementara bagi FASS ialah sejarah, bahasa, dan sastera Brunei. Selain itu, juga dibincangkan kajian-kajian yang telah dilakukan dan peluang pengajian Pascasiswazah peringkat Sarjana dan Doktor Falsafah di APB dan FASS UBD, dengan kemudahan-kemudahan yang diberikan bagi para Pelajar, sama ada dari dalam mahupun luar Negara Brunei Darussalam. Sesungguhnya, kerjasama dalam bidang penyelidikan antara satu atau lebih institusi-institusi di Brunei Darussalam, Indonesia, dan Malaysia diharapkan bukan sahaja akan mengeratkan lagi hubungan sesama tenaga akademik, malah yang lebih penting akan memperkembang dan memperluas skop penyelidikan; mempertingkatkan kualiti dan pencapaian keilmuan; serta pembinaan tamadun bangsa-bangsa Melayu di rantau Asia Tenggara.

KATA KUNCI: Sejarah Penubuhan; APB dan FASS; Universiti Brunei Darussalam; Peluang dan Kerjasama Penyelidikan.

ABSTRACT: “APB and FASS of UBD Open Research Opportunities on Brunei: Between Challenges and Recommendations”. This paper – using a qualitative approach and literature review method – discusses about the APB (Academy of Brunei Studies) and FASS (Faculty of Arts and Social Sciences) at UBD (University of Brunei Darussalam) in terms of the history of its establishment; “nice area” for both faculties; and areas of research with existing expertise in both faculties. “Nice area” for APB of UBD is Brunei sultanate and culture, which is based on the MIB (Malay Islamic Monarchy). While for FASS is the history, language, and literature of Brunei. Apart from that, also discussed the studies that have been done and the opportunities for Postgraduate studies at the Master and Doctor of Philosophy degree at APB and FASS of UBD with the facilities provided for Students, either from within or outside Brunei Darussalam. Indeed, collaboration in the field of research between one or more institutions in Brunei Darussalam, Indonesia, and Malaysia is expected not only strengthen ties among academics, but more importantly expand and develop the scope of research; improve the quality and achievement of knowledge; and constuction of Malay civilization of nations in Southeast Asia.

KEY WORD: Establishment History; APB and FASS; University of Brunei Darussalam; Research Opportunities and Collaboration.

Mengenai Penulis: Prof. Madya Ampuan Dr. Haji Brahim bin Ampuan Haji Tengah ialah Pensyarah di FASS (Fakulti Sastera dan Sains Sosial) dan APB (Akademi Pengajian Brunei) Universiti Brunei Darussalam. Bagi urusan sebarang akademik, Penulis boleh dihubungi secara terus melalui emel di: ampuanb@gmail.com

Cara Mengutip: Tengah, Ampuan Haji Brahim bin Ampuan Haji. (2021). “APB dan FASS UBD Membuka Peluang Penyelidikan mengenai Brunei: Antara Cabaran dan Cadangan” dalam *SUSURGALUR: Jurnal Kajian Sejarah & Pendidikan Sejarah*, Volume 9(1), Maret, hlm.75-94. Bandung, Indonesia: Minda Masagi Press and UBD Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam, ISSN 2302-5808 (print) and ISSN 2684-7388 (online).

Riwayat Artikel: Diterima (10 Januari 2021); Direvisi (9 Februari 2021); dan Diterbitkan (30 Maret 2021).

PENDAHULUAN

FASS (Fakulti Sastera dan Sains Sosial) adalah salah satu daripada dua fakulti yang mula-mula sekali wujud, sebaik sahaja UBD (Universiti Brunei Darussalam) ditubuhkan pada tahun 1985. Pada masa itu, FASS menawarkan dua program ijazah Sarjana Muda, iaitu program Sarjana Muda Sastera (Aliran Melayu) dalam bidang Sejarah, Geografi, Ekonomi, Bahasa Melayu, dan Kesusasteraan; serta program Sarjana Muda Sastera (Aliran Inggeris) dalam bidang *Business Management and Public Administration*, dan *Social Policy and Planning*. Sementara APB (Akademi Pengajian Brunei) mula ditubuhkan pada tahun 1990 (Nordin & Mail, 2005; Mail, 2013; dan Melayong, 2018).

Penubuhan APB ini adalah atas hasrat KDYMM (Kebawah Duli Yang Maha Mulia) Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, yang bertitah seperti berikut:

[...] Beta telah juga memperkenankan penubuhan Akademi Pengajian Brunei di Universiti Brunei Darussalam. Akademi ini akan menjalankan pengajian dan penyelidikan yang berkaitan dengan semua aspek kehidupan Negara Brunei Darussalam.¹

APB (Akademi Pengajian Brunei) ditubuhkan adalah sebagai pusat pengajian dan penyelidikan mengenai Brunei. Bagaimanapun APB, kemudiannya, telah mula menawarkan program Sarjana Muda Pengajian Brunei atas usaha berterusan Yang Mulia Dato Paduka Dr. Haji Abdul Latif bin Haji Ibrahim, iaitu Pengarah APB pada masa itu (Raduan, 2017; Mail, 2020; dan Prodjo, 2020).

Artikel ini – dengan mengguna-pakai pendekatan kualitatif dan kaedah sorotan literatur (Ibrahim, 2000; Sjamsuddin, 2007; dan Zed, 2008) – mahukan menyentuh dan mengupas sejarah penubuhan FASS dan APD di UBD, termasuklah perkembangannya, hingga peluang untuk melakukan penyelidikan dan pengajian pada dua-dua insitisi berkenaan, sama ada pada masa lalu, masa sekarang, mahupun masa hadapan.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Perubahan yang sungguh menarik dan signifikan, dalam perkembangan program ijazah pertama di UBD (Universiti

¹Lihat "Titah Sempena Sambutan Hari Keputeraan Baginda Sultan yang ke-44 Tahun di Daerah Tutong, Negara Brunei Darussalam, pada 17 Julai 1990". *Kertas Tidak Diterbitkan*, wujud dan ada pada Penulis.

Brunei Darussalam), adalah pada tahun 2009, apabila program *GenNEXT* mula diperkenalkan. Program ini membolehkan para pelajar mendapat pengetahuan dan kemahiran yang lebih meluas dengan pilihan modul yang berbagai-bagai mengikut minat dan kemampuan mereka, di samping dapat mengikuti *Discovery Year* pada tahun ketiga – daripada empat tahun program Sarjana Muda – di dalam negeri atau di luar negeri (Mundia, 2012; and Daud, 2019).²

Menurut NC (Naib Chancellor) UBD pada tahun itu, Dato Paduka Dr. Haji Zulkarnain bin Haji Hanafi, program *GenNEXT* menawarkan empat aliran utama, iaitu: Aliran Sastera, Perdagangan, Sain, dan Sains Kesihatan. Setiap aliran tersebut mempunyai disiplin-disiplin utama yang tersendiri dan ia berdasarkan pembelajaran merentasi disiplin, *broad based and student centric*, yang mempunyai ciri-ciri inovatif bagi memperluaskan dan mempelbagaikan kemahiran dan pengetahuan para pelajar; disamping itu juga, ia diintegrasikan dengan mutu kepimpinan, keusahawanan, dan kepekaan terhadap alam sekitar (Mundia, 2012; and Daud, 2019).³

Sejak program *GenNEXT* diperkenalkan, selain daripada FASS (Fakulti Sastera dan Sains Sosial), APB (Akademi Pengajian Brunei), PAPRSBIHS (*Pengiran Anak Puteri Rashidah Saadatul Bolkia Institute of Healty Sciences*), dan SHBIE (*Sultan Hassanal Bolkia Institute of Education*), beberapa buah Pusat telah ditubuhkan, yang juga menawarkan program Sarjana dan Ph.D., iaitu: *Faculty of Integrated Technology, Centre of Lifelong Learning, Institute of Policy Studies, Language Centre, UBD School of Business & Economic, Centre of Advanced Material and Energy Sciences, Centre of Advance Research, e-Government Innovation Centre, Institute of Asian Studies, Institute of Biodiversity and Enviromental Research, Institute of Leadership Innovation and Advancement, Sultan Omar Ali Saifuddien Centre for Islamic Studies*, dan UBD/IBM atau *University of Brunei Darussalam/ International Business Machines* (Mundia, 2012; Ismail et al., 2013; dan Daud, 2019).

Bagaimana pun, tidak semua Pusat yang ditubuhkan

²Lihat pula, contohnya, "Program GenNEXT: UBD Lahirkan Ramai Celik Ilmu" dalam *Pelita Brunei*, pada 2015. Wujud secara online pula di: <http://www.pelitabrunei.gov.bn/Lists/Berita%202015/NewDisplayForm> [diakses di Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam: 8 Jun 2020].

³Lihat pula, contohnya, "Ucapan Dato Paduka Dr. Haji Zulkarnain bin Haji Hanafi dalam Majlis Konvokesyen ke-25 di UBD (Universiti Brunei Darussalam), Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam, pada 6 Zulkaedah 1434 H (Hijriah) bersamaan dengan 12 September 2013 M (Masehi)". *Kertas Tidak Diterbitkan*, wujud dan ada pada Penulis.

dapat melakukan penyelidikan yang sebenarnya, kerana masih kekurangan pakar dalam bidang-bidang tertentu. Bagaimanapun, masalah tersebut dapat diatasi jika ada hasrat untuk melakukan penyelidikan secara berkumpulan, yang ahlinya datang daripada berbagai-bagai universiti di rantau Asia Tenggara ini.

FASS dan APB, yang menawarkan program Aliran Sastera pada masa ini, telah berkembang dengan menawarkan beberapa disiplin sastera di peringkat Sarjana Muda, Sarjana, dan Doktor Falsafah dalam bidang Bahasa Melayu dan Linguistik, *English Language and Linguistics*, *English Literature*, *Environmental Studies*, *Geography and Development*, *Historical Studies*, Kesusasteraan Melayu, *Professional Communication and the Media*, *Sociology-Anthropology*, dan *Brunei Studies*. Dengan adanya berbagai-bagai bidang yang ditawarkan tersebut, ditambah lagi dengan SHBIE (*Sultan Hassanal Bolkia Institute of Education*), yang tidak lagi menawarkan program Diploma Pendidikan dan program Sarjana Muda Sastera Pendidikan, maka FASS telah menjadi Fakulti yang mempunyai paling ramai Mahasiswa. Hal ini disebabkan Pelajar yang ingin menjadi Guru atau Pendidik mestilah mendalami ilmu dalam bidang pengkhususannya, yang kebanyakannya ditawarkan di FASS, sebelum mereka memasuki program *Master of Teaching* (Arib, 2013; Raduan, 2017; dan Prodjo, 2020).

Dalam memperkenalkan program *GeNEXT* ini, penyelidikan dan penerbitan yang masih kurang, terutama di FASS dan APB, yang tentunya mahukan terus dipertingkatkan lagi. Untuk itu, tenaga akaedmik UBD, khususnya tenaga akademik di FASS dan APB, digalakkan untuk membuat penyelidikan bersama dengan rakan-rakan se-Fakulti atau berlainan Fakulti. Malah juga dengan tenaga akademik universiti luar negara dalam bidang-bidang yang mejadi *Nice Area*, iaitu Kesultanan dan Budaya Brunei, yang berteraskan MIB (Melayu Islam Beraja) adalah contoh *Nice Area* bagi APB. Sementara penyelidikan Sejarah, Bahasa, dan Sastera Brunei adalah *Nice Area* bagi FASS (Mundia, 2012; Raduan, 2017; dan Daud, 2019).

Antara bidang pengajaran dan penyelidikan, beberapa orang Pensyarah di APB dan FASS adalah seperti berikut:

“Budaya Material, Pakaian Tradisi Brunei, Khususnya Kain Tenunan Brunei, dan Melayu Islam Beraja” oleh Dr. Siti Norkhalbi binti Haji Walsahfelah.

“Sosio-Budaya Kampong Ayer, Perpindahan di Brunei, dan Melayu Islam Beraja” oleh Dr. Haji Tassim bin Haji Abu Bakar.

“Sosial-Ekonomi, Industri Perikanan di Brunei, dan Melayu Islam Beraja” oleh Pengiran Dr. Khairul Rijal bin Pengiran Haji Abdul Rahim.

“*The Pre-Modern and Modern History of Southeast Asia, Development of Complex Society, Oral Tradition, the Interaction between Orality and Writing in an Historical Context, Ethno-History (Sulawesi and Borneo)*” oleh Dr. Stephen C. Druce.

“Pendidikan di Brunei dan Melayu Islam Beraja” oleh Pengiran Dr. Noraina binti Pengiran Haji Besar.

“*Agriculture and Animal Husbandry, Traditional Industries of Brunei*, dan Melayu Islam Beraja” oleh Haji Rafee bin Haji Shaife.

“*International Relations, Contemporary Politics, Governance and Culture in the Asia-Pacific Region*” oleh Dr. Abdul Hadi bin Haji Julai.

“Sejarah Politik dan Sejarah Sosial-Ekonomi Brunei” oleh Prof. Madya Dr. Haji Awang Asbol bin Haji Mail.

“*Political History of Brunei Darussalam, 1945-1984*” oleh Dr. Hajah Asiyah Az-Zahra binti Haji Ahmad Kumpoh.

“Sejarah Brunei dan Sejarah Asia Tenggara” oleh Dr. Nani Syurani binti Haji Abu Bakar.

“Sejarah Bahasa dan Perbandingan Bahasa” oleh Dr. Yabit bin Alas.

“Morfologi dan Kesalahan Bahasa Melayu” oleh Dr. Aini binti Haji Karim.

“Sintaksis Melayu dan Tata-Bahasa Generatif” oleh Pengiran Dr. Haji Mohamed bin Pengiran Haji Damit.

“*Socio-Linguistics*” oleh Dr. Fatimah binti Haji Chuchu.

“Morfologi dan Sintaksis Bahasa Melayu” oleh Dr. Mardinah binti Haji Mahadi.

“Manuskrip Melayu Brunei, Sastera Melayu Tradisional, dan Melayu Islam Beraja” oleh Prof. Madya Ampuan Dr. Haji Brahim bin Ampuan Haji Tengah.

“*Folklore*, Sastera Rakyat Brunei, dan Melayu Islam Beraja” oleh Dr. Maslin bin Jukin.

“Kesusasteraan dan Kebudayaan Berunsur Islam” oleh Dr. Haji Ramlee bin Haji Tinkong.

Selain itu, sebagai salah satu langkah untuk meningkatkan penyelidikan, UBD (Universiti Brunei Darussalam) ingin

memperbanyak Pelajar-pelajar *Postgraduate*, terutama di peringkat Ph.D. (Doktor Falsafah), kerana kedua-dua Fakulti ini khususnya dan UBD umumnya masih belum banyak Graduan *Postgraduate*, terutama di peringkat Doktor Falsafah. Sejak UBD tertubuh dan sehingga kini, FASS baru sahaja mengeluarkan 6 orang Graduan Ph.D., iaitu: tiga dalam bidang Bahasa Melayu dan Linguistik, dua dalam bidang Kesusasteraan Melayu, dan seorang dalam bidang Sosiologi. Sementara APB baru mengeluarkan empat orang Graduan Ph.D.

Pelajar Ph.D. pertama APB ialah Awang Haji Ahmad Effendi, graduan tahun 2014, dengan tajuk Tesis Ph.D.-nya adalah “Falsafah Melayu Islam Beraja Hubungannya dengan Modeniti”. Tujuan kajian ini adalah, *pertama*, untuk merumuskan kembali modeniti berlandaskan kepada falsafah MIB (Melayu Islam Beraja) dengan cara rasional. *Kedua*, membahas kepentingan akidah *Ahlu al-Sunnah wal-Jama’ah* sebagai asas keberlangsungan MIB di Negara Brunei Darussalam. Dan *ketiga*, membincangkan konsep modeniti, baik dalam falsafah moden mahupun perkembangannya dalam pemikiran Islam kontemporari (Effendi, 2014).

Menurut pengkaji, hasil daripada penelitian ini mendapati bahawa: *pertama*, MIB boleh diterima sebagai falsafah dan selaras dengan keadaan Negara Brunei Darussalam. *Kedua*, falsafah MIB tidak dapat dipisahkan daripada Akidah *Ahlu al-Sunnah wal-Jama’ah* dan nilai-nilai luhur yang terkandung di dalamnya. *Ketiga*, modeniti tidak selalunya meniru kepada Barat, tetapi setiap tamadun boleh mentafsir modeniti menurut cara dan falsafahnya sendiri. *Kempat*, falsafah MIB tidak menghakis konsep pembaharuan sebagai landasan mencapai keselamatan dan kebahagiaan. *Kelima*, kritik merupakan unsur penting dalam falsafah MIB, terbukti dengan adanya demokrasi yang berlandaskan nilai-nilai Islam. *Keenam*, pembangunan minda dan karakter yang terkandung dalam falsafah MIB dapat dijalankan melalui rekonsiliasi cara pandang tradisional dan moden, yang berasaskan kepada struktur pemikiran keniscayaan, keperluan asas, dan keindahan (*cf* Effendi, 2014; Kanafi, Muhlisin & Susminingsih, 2015; dan Gunawan, Halkis & Muriadi, 2018).

Pelajar Ph.D. kedua APB ialah Malai Yunus bin Malai Yusof, graduan tahun 2014, dengan Tesis Ph.D.-nya yang bertajuk “Pengaruh Sosio-Budaya dalam Pencapaian Perniagaan

Orang Melayu dan Cina di Negara Brunei Darussalam”. Menurut pengkaji, permasalahan dalam kajiannya adalah berkaitan budaya dengan pencapaian ekonomi, seperti yang dikemukakan seawal abad ke-19 oleh Max Weber (2015), melalui bukunya *The Protestant Ethics dan the Spirits of Capitalism*, yang diperkembangkan lagi oleh ramai sarjana dan cuba menerangkan bahawa kebangkitan ekonomi adalah berkait dengan nilai-nilai budaya sesebuah masyarakat. Budaya juga sering dipersalahkan, kerana membawa kemunduran ekonomi, misalnya budaya Melayu yang dikaitkan dengan hipotesis bahawa orang Melayu mundur dalam ekonomi disebabkan oleh budaya mereka (Alatas, 1988; Yusof, 2014; dan Weber, 2015).

Gordon Redding, Michael H. Bond & Michael A. Witt (2012), dan sarjana lainnya, juga mengatakan bahawa orang Melayu Islam bersifat fatalistik, yang hanya berserah kepada takdir semata-mata, sehingga mereka enggan berusaha untuk mengubah nasib. Sebagai sebuah negara yang berfalsafahkan MIB (Melayu Islam Beraja), Brunei Darussalam sentiasa menjaga kepentingan orang Melayu dari segi politik, ekonomi, dan sosial dengan menggalakkan mereka memajukan diri dalam bidang keusahawanan dan perniagaan (Redding, Bond & Witt, 2012; Yusof, 2014; dan Solihin, 2020).

Sebaliknya, orang Brunei sebagai peribumi dan kaum majoriti yang dianggarkan sejumlah 273,600 orang tertumpu berkhidmat di sektor kerajaan, dan sebahagian kecil sahaja daripada mereka terlibat dalam bidang perniagaan. Fenomena ini berlaku sebaliknya bagi orang Cina, yang dianggarkan ketika ini seramai 50,000 orang. Satu pandangan umum bahawa orang Cina sebagai kaum yang lebih berjaya dalam bidang ekonomi, khususnya dalam bidang perniagaan, berbanding dengan orang Melayu (Yusof, 2014).

Persoalan yang menjadi asas kepada permasalahan kajian ini adalah: Apakah pengaruh sosio-budaya yang signifikan ke atas pencapaian kedua-dua bangsa (Melayu-Brunei dan Cina) dalam kegiatan perniagaan; Sejauh manakah faktor budaya berperanan dalam kehidupan mereka dan seterusnya mempengaruhi pencapaian perniagaan; serta Bagaimanakah pula sosio-budaya turut mempengaruhi pemikiran dan tindak-tanduk mereka, samada dalam konteks pencapaian yang positif mahupun negative (Yusof, 2014).

Objektif kajian ini adalah, *pertama*, untuk mengetahui dan

mendedahkan latar belakang sosio-budaya bagi kedua-dua bangsa Melayu dan Cina secara umum, dan seterusnya melihat peranan sosio-budaya dalam dunia perniagaan kedua-dua bangsa tersebut di Negara Brunei Darussalam. *Kedua*, untuk mengkaji secara mendalam sejauh mana budaya rangkaian atau kebolehpercayaan yang dimiliki oleh orang Cina dan orang Melayu berperanan dalam mempengaruhi pencapaian perniagaan mereka di Negara Brunei Darussalam. *Ketiga*, untuk melihat perbandingan dan pencapaian perniagaan orang Cina dan Melayu di Negara Brunei Darussalam. Dan *keempat*, untuk memberi satu maklumat secara ilmiah kepada pihak-pihak yang tertentu untuk mengetahui dan menaik taraf penglibatan orang Melayu Brunei dalam dunia perniagaan (Yusof, 2014).

Menurut pengkaji, hasil daripada penelitiannya menunjukkan bahawa faktor budaya yang dirangsang oleh faktor struktural menyebabkan terjadinya jurang dalam pencapaian perniagaan diantara orang Melayu dan Cina. Budaya juga bersifat heterogen dan sering bertinteraksi dengan etika dan politik yang berbeza dalam masyarakat. Dengan erti kata lain, budaya cenderung berbeza dalam masyarakat secara keseluruhannya, dan konsep budaya tersebut tidak terpisah daripada lingkungan ekonomi, politik, dan sosial sesebuah masyarakat (Shiddiqui *et al.*, 1996; Yusof, 2014 dan 2015; dan Sari & Herawati, 2018).

Pelajar Ph.D. ketiga APB ialah Zulkifli bin Haji Zakaria, graduan tahun 2016, dengan tajuk Ph.D. Tesisnya adalah “Khutbah Jumat di Negara Brunei Darussalam: Satu Analisis dari Aspek Psikologi dan Komunikasi”. Tujuan utama kajian ini adalah melihat sejauh mana khutbah Jumat diambil perhatian oleh para Jemaah semasa mendengar dan menghayati khutbah daripada sudut komunikasi awan dan psikologi (Zakaria, 2016).

Menurut pengkaji pula, hasil daripada penelitiannya mendapati bahawa: (1) Tidak terdapat hubungan yang signifikan diantara persediaan khatib dalam berkhutbah dengan tahap penyampaian dan teknik komunikasi berkhutbah; (2) Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap penyampaian dan teknik berkomunikasi berkhutbah mengikut peringkat umur; (3) Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap penyampaian dan teknik komunikasi berkhutbah mengikut kelulusan akademik; (4) Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap penyampaian dan teknik komunikasi berkhutbah mengikut lama berkhidmat; (5) Tidak ada hubungan signifikan diantara

penyampaian khatib dan isi khutbah dengan tumpuan pendengar atau jemaah masjid; dan (6) Tidak ada perbezaan yang signifikan diantara tahap mendengar dan menghayati khutbah Jumat mengikut peringkat umur (*cf* Zakaria, 2016; Saddhono *et al.*, 2015; dan Bakri, 2020).

Pelajar Ph.D. keempat APB ialah Muhammad Lateh, graduan tahun 2017, dengan tajuk Tesis Ph.D.-nya adalah “Perusahaan Penanaman Padi di Negara Brunei Darussalam: Tuntutan Islam dan Budaya”. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji perusahaan penanaman padi di Negara Brunei Darussalam dalam tempoh tahun 2000 hingga 2014, bagi memenuhi tuntutan Islam dan budaya. Objektif bagi kajian ini adalah: *pertama*, untuk meneliti rancangan-rancangan kerajaan dalam memajukan perusahaan tanaman padi di Negara Brunei Darussalam; *kedua*, untuk mengenal-pasti corak budaya penanaman padi yang dilakukan di Negara Brunei Darussalam; dan, *ketiga*, untuk meneliti faktor-faktor yang mempengaruhi perusahaan tanaman padi dalam memenuhi tuntutan Islam dan budaya (Lateh, 2017).

Di akhir kajian, pengkaji ini mendapati bahawa perusahaan penanaman padi di Negara Brunei Darussalam dalam tempoh tahun 2000 hingga 2014 belum mencapai sasaran kerajaan, tetapi sudah memenuhi tuntutan Islam dengan lebih 1,000 orang pengusaha terlibat dalam tanaman padi; dan memenuhi tuntutan budaya dengan pelaksanaan tanaman padi sara diri. Bagaimanapun, budaya komersial dalam perusahaan padi dalam tempoh kajian belum lagi tercapai, yang juga memberikan kesan kepada kegagalan rancangan kerajaan untuk memenuhi keperluan sara diri dalam negeri atau untuk memenuhi permintaan dalam negeri tanpa bergantung kepada beras import (*cf* Nasir, 2014; Lateh, 2017; dan Puteh, 2019).

Manakala Pelajar Ph.D. pertama FASS (Fakulti Sastera dan Sains Sosial) ialah Pengiran Haji Hidup bin Pengiran Haji Shamsudin, graduan tahun 2005, dengan Tesis Ph.D.-nya bertajuk “Kajian Budaya dan Adat-Istiadat dalam Karya-karya Terpilih Kesusasteraan Brunei”. Objektif kajian ini adalah: *pertama*, untuk melihat sejauh mana hal ehwal yang berhubung dengan budaya dan adat-istiadat bangsa Melayu Brunei mendapat perhatian sasterawan Negara Brunei Darussalam; dan *kedua*, untuk melihat sejauh mana kesejajaran persoalan budaya dan adat-istiadat Melayu Brunei, yang digambarkan dalam karya sastera di Negara Brunei Darussalam, dengan

amalan budaya dan adat-istiadat sebenarnya (Shamsudin, 2005).

Hasil daripada penelitian yang dibuat, pengkaji telah menyimpulkan bahawa budaya dan adat-istiadat Brunei, khususnya istiadat perkahwinan, berpuspa, dan tata-susila, terlihat dalam karya sastera; dan para sasterawan Melayu Brunei sangat memberikan perhatian kepada budaya dan adat-istidat Melayu Brunei dengan memberikan gambaran cara hidup, budaya, dan adat-istiadat bangsa Melayu Brunei yang sejajar dengan kehidupan sebenar mereka. Penglibatan golongan diraja atau bangsawan dan golongan berpendidikan agama dalam merakamkan budaya dan adat-istiadat bangsa Melayu Brunei dalam karya sastera juga memperlihatkan bahawa perhatian terhadap budaya dan adat-istiadat Brunei sangat diberikan perhatian meluas dalam sasterawan Brunei (*cf* Shamsudin, 2005; Yatim, 2014; dan Bakri, 2020).

Pelajar Ph.D. kedua FASS ialah Phaosan Jehwae, graduan tahun 2014, dengan tajuk tesis Ph.D.-nya adalah “Penguasaan Bahasa Melayu Standard dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Agama Islam (Sekolah Pondok) di Daerah Saiburi, Wilayah Patani Selatan, Thai”. Objektif penyelidikan pelajar ini adalah bagi menganalisis dan membincangkan penguasaan perbendaharaan kata; penguasaan BMS (Bahasa Melayu Standard); penguasaan morfologi yang difokuskan kepada penguasaan imbuhan BMS; dan penguasaan sintaksis yang akan difokuskan kepada penguasaan menggunakan frasa yang purna-bentuk, atau sempurna bentuknya, di kalangan pelajar kelas 10 di kalangan enam buah sekolah menengah agama Islam atau sekolah pondok (Jehwae, 2014).

Hasil analisis, pengkaji telah mendapati bahawa pelajar Melayu di enam buah sekolah menengah yang menjadi tumpuan kajian masih lemah dalam menguasai perbendaharaan kata atau leksikon, bentuk-bentuk pengimbuhan dan kata ganda BMS, serta binaan frasa-frasa BMS atau berimplikasi negatif kepada binaan frasa dan ayat yang sempurna (*cf* Adelaar, 1988; Chuchu, 2007; dan Jehwae, 2014 dan 2016).

Pelajar Ph.D. ketiga FASS ialah Pudarno Binchin, graduan tahun 2015, dengan tajuk Tesis Ph.D.-nya adalah “Tamarok: Tradisi, Identiti, dan Cabaran”. Menurut Pudarno Binchin (2015), antara objektif kajian beliau adalah untuk memaparkan suatu penjelasan mengenai sistem kepercayaan *tamarok* sebagai satu usaha untuk menghuraikan peranan kepercayaan

ke atas pembentukan struktur sosial di kalangan masyarakat yang mengamalkan kegiatan bertanam padi (Binchin, 2015).

Di akhir kajian, pengkaji mengatakan bahawa upacara ritual adalah satu perbuatan pragmatik apabila tindakan-tindakan sosial yang dimaksudkan itu dapat menghasilkan suatu kesan terhadap kumpulan individu, yang berkepentingan dan dipercayai akan dapat memberikan kemakmuran ataupun kesejahteraan ke atas diri individu dan juga kumpulan waris. Upacara *tamarok* dalam konteks pelakuan-perlakuan sosial yang telah dipaparkan adalah bukan suatu testimen politik masyarakat Dusun terhadap identiti dan jatidiri mereka di tengah-tengah gelombang pengaruh dunia luar. Persembahan upacara ritual adalah aktiviti yang dianggap berlandaskan sebagai sebuah amalan ekonomi, kerana ia memerlukan kerahan tenaga kerja dan juga melibatkan suatu sistem distribusi semula bahan-bahan makanan, yang dilihat sebagai suatu tindakan yang berpatutan. Upacara ritual dalam masyarakat Dusun digambarkan sebagai satu arena yang sesuai untuk berkerjasama, bukan persaingan. Peraturan-peraturan yang dikenakan adalah dihasratkan bagi menjanakan sistem sosial yang bercorak egalitarian. Oleh keana itu juga persaingan di kalangan individu Dusun menjadi terbatas oleh semangat kerjasama dan oleh kongkongan moral secara kolektif, yang disalurkan melalui upacara *tamarok* (Binchin, 2015 dan 2017; Mukaromah, 2015; dan Ridho *et al.*, 2019).

Pelajar Ph.D. keempat FASS ialah Haji Mohd Ali bin Haji Radin, graduan tahun 2016, dengan tajuk Tesis Ph.D.-nya adalah "Kajian Karya Muslim Burmat: *Terbenamnya Matahari dan Makna Sebenar sebuah Ladang* dalam Perspektif Historisme Baru". Kajian ini bertujuan untuk melihat kecenderungan sikap dan pemikiran Muslim Burmat, seorang tokoh pengarang novel Brunei, yang sentiasa menafaatkan pengetahuan sejarah dalam menghasilkan karya sastera (Radin, 2016).

Objektif kajian yang ingin dicapai ialah: (1) untuk mengenal-pasti pemikiran Muslim Burmat dalam wacana imperialisme dan kolonialisme dalam novel *Terbenamnya Matahari dan Makna Sebenar sebuah Ladang*; dan (2) untuk menganalisis makna sejarah, budaya, politik, dan ekonomi berdasarkan sejarah bangsa Brunei dalam kedua-dua novel daripada perspektif teori yang digunakan (Radin, 2016).

Di akhir kajian, pengkaji telah menyimpulkan bahawa

wacana imperialisme dan kolonialisme dalam kedua-dua novel menunjukkan subversif wacana penjajah Eropah. Walau bagaimanapun, Muslim Burmat menentang ideologi imperialisme dan kolonialisme, iaitu dengan menggambarkan ketiadaadadilan bangsa Eropah ke atas bangsa pribumi. Menurut pengkaji pula, kedua-dua novel mempunyai makna sejarah, budaya, politik, dan ekonomi berdasarkan sejarah bangsa Brunei, yang berpegang kepada tujuan penulis untuk mengembalikan semula kekuasaan dan keperwiraan kepada tokoh yang benar-benar layak (*cf* Burmat, 2002; Radin, 2016 dan 2020; dan Putra, 2016).

Pelajar Ph.D. kelima FASS ialah Fais Awae, graduan tahun 2016, dengan tajuk Tesis Ph.D.-nya adalah “Alih Kod dalam Masyarakat Melayu Patani: Kajian Kes di Kawasan Kedai Lama Yala, Wilayah Yala, Selatan Thailand”. Objektif kajian ini adalah: *pertama*, untuk memperlihatkan situasi penggunaan bahasa, khususnya yang melibatkan penggunaan dua bahasa, iaitu dialek Melayu Patani dan Bahasa Thai, dalam perbualan harian responden berlandaskan beberapa domain yang telah ditetapkan. *Kedua*, untuk mengenal-pasti faktor-faktor yang mempengaruhi komuniti Melayu di kawasan Kedai Lama, Yala beralih dari satu kod ke satu kod yang lain dalam perbualan harian mereka. *Ketiga*, untuk menganalisis fungsi-fungsi alih kod dalam kalangan komuniti Melayu di kawasan Kedai Lama, Yala, Wilayah Yala. *Keempat*, untuk menganalisis konstituen bahasa matriks dalam perbualan harian responden (Awae, 2016).

Kajian ini merupakan satu kajian kes yang meneliti gejala bahasa daripada aspek peralihan kod dalam perbualan tidak formal. Di akhir kajian, pengkaji menemukan, antaranya, golongan muda yang mendapat pendidikan secara formal dalam Bahasa Thai merupakan golongan yang paling banyak sekali memberikan alasan bahawa mereka beralih kod kerana faktor kebiasaan. Sistem pendidikan secara tidak langsung juga berperanan menjadi salah satu faktor alih kod dalam masyarakat Melayu di kawasan kajian. Penggunaan alih kod juga didorong oleh hubungan kekeluargaan antara responden dengan orang yang dilawan bercakap, dan juga tahap penguasaan bahasa atau kecekapan berbahasa responden dan orang yang dilawan bercakap. Aspek latar tempat mempengaruhi frekuensi penggunaan alih kod dalam kalangan responden dan juga

orang yang dilawan bercakap (*cf* Yusof, 2009; Awae, 2016; dan Tehtae, 2019).

Pelajar Ph.D. keenam FASS ialah Enung Nurhayati, graduan tahun 2017, dengan tajuk Tesis Ph.D.-nya adalah “Sistem Politik Gajah Mada dalam Pentologi Novel *Gajah Mada* Karya Langit Kresna Hariadi: Kajian Sosiologi Sastera”. Masalah utama kajian ini adalah sistem politik Gajah Mada yang terdapat pada karya sastera dilihat melalui pentologi novel *Gajah Mada* dengan tiga rumusan masalah, iaitu: (1) Konteks sosial-budaya penciptaan pentologi novel *Gajah Mada*; (2) Pentologi novel *Gajah Mada* sebagai produk sosial-budaya dan sebagai produk imaginasi; dan (3) Representasi sistem politik Gajah Mada dalam pentologi novel *Gajah Mada* (Nurhayati, 2017).

Di akhir penelitian, pengkaji mendapati bahawa, *pertama*, penciptaan pentologi novel *Gajah Mada* berdasarkan latar sosial-budaya pengarang dan sosial-budaya masyarakat Jawa, sebagai latar penciptaan novel, telah menghasilkan teks sistem politik Gajah Mada yang khas daripada teks yang lainnya. *Kedua*, sistem politik Gajah Mada dalam pentologi novel *Gajah Mada* ditemukan empat variabel representasi sistem politik, iaitu: kekuasaan politik Gajah Mada, kepentingan politik Gajah Mada, kebijakan politik Gajah Mada, dan budaya politik Gajah Mada. Selain itu juga ditemukan tiga kecerdasan kepemimpinan Gajah Mada, iaitu: kecerdasan intelektual, kecerdasan emosi, dan kecerdasan spiritual (*cf* Zubaida, 2012; Nurhayati, 2017 dan 2018; dan Sujoko, 2019).

Daripada senarai di atas memperlihatkan bahawa penyelidikan peringkat Ph.D. di FASS dan APB masih kurang, yang secara tidak langsung juga sedikit-sebanyak mempengaruhi tingkat penyelidikan di UBD (Universiti Brunei Darussalam). Sebagai satu langkah bagi mengatasi masalah ini, dengan memperbanyak pelajar mengikuti program ijazah peringkat Sarjana dan Doktor Falsafah.

Untuk itu, UBD telah pun menawarkan *Postgraduate Scholarship* kepada Pelajar-pelajar dalam dan luar negara, yang mempunyai prestasi yang baik di peringkat Sarjana Muda dan Sarjana. Syarat kelayakan untuk mendapatkan *Scholarship* ini adalah: *pertama*, sekurang-kurangnya mempunyai Kepujian Kelas Pertama di Ijazah Sarjana Muda dan Kepujian di Ijazah Sarjana, atau Kepujian Kelas Kedua atas Ijazah Sarjana Muda, dan Ijazah Sarjana dengan rekod penerbitan yang baik. *Kedua*,

mempunyai proposal penyelidikan yang berkualiti; dan, *ketiga*, sehat dan dapat mengikuti pengajian yang dipohonkan.

Penerima *Scholarship* akan diberikan elaun sara hidup sebanyak BND 500.00 (lima ratus Dollar Brunei) sebulan selama 36 bulan; penginapan di dalam kampus; dan dikecualikan daripada bayaran tuisyen, termasuk bayaran pendaftaran dan penerima kemasukan ke UBD. Penerima yang tidak tinggal di Brunei akan diberikan tiket penerbangan pergi balik kelas ekonomi sekali di sepanjang pengajian, iaitu semasa mula mengikuti pengajian dan sesudah tamat pengajian. Selain itu, pelajar juga menerima elaun penyelidikan sebanyak BND 1,000.00 bagi Program Sastera dan Kemanusiaan, dan BND 2,000.00 bagi Program Sains. Permohonan untuk mendapatkan *Scholarship* ini boleh dibuat melalui *online admission system (OASys) webpage*.

Daripada pembicaraan tadi, juga adalah diharapkan para peserta SSB (Seminar Sambil Berlayar) akan dapat menyebarkan maklumat yang dikongsikan ini. Ada sesetengah universiti yang hanya akan menghantar kaki tangan akademiknya bagi penempatan atau cuti sabatikal ke universiti-universiti yang mempunyai kedudukan tertentu dalam ranking universiti Asia atau Dunia. Dalam hal ini ingin juga dikongsikan bersama bahawa UBD, pada tahun 2015, telah berada dalam kedudukan 118 di *QS (Quacquarelli Symonds) Asia University Rankings*; dan pada tahun 2017, UBD telah pun memasuki *QS World University Rankings*, dengan kedudukan 349 daripada lebih 26,000 universiti di seluruh Dunia (Labi, 2010; dan Bekhradnia, 2017).⁴

Walaupun sebenarnya ranking ini dianggap tidak 100 persen menggambarkan keunggulan sesebuah institusi akademik, malah dalam mengejar ranking kadang-kadang membelakangkan kepentingan nasional, namun dari sudut positifnya, ia dapat dijadikan panduan atau sukat-sukat rasmi bagi mengetahui kedudukan sesebuah institusi dalam peta global dunia akademik masa kini (Altbach, 2010; dan Bekhradnia, 2017).⁵

⁴Lihat pula, contohnya, "QS World University Rankings: UBD Terus Menyerlah" dalam *Pelita Brunei*, pada 10 Jun 2020. Wujud secara online pula di: <http://pelitabrunei.gov.bn/Lists/Berita%202018/NewDisplayForm> [diakses di Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam: 15 Januari 2021].

⁵Lihat pula, contohnya, "A Global University Impacting Society" in *UTB Pulse: Universiti Teknologi Brunei*, on 17th Issue: September-December 2018. Available online also at: http://www.utb.edu.bn/UTBPulsepdf/UTBPulse_17.pdf [accessed in Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam: 27th June 2020].

KESIMPULAN ⁶

Di akhir pembicaraan ini adalah diharapkan akan terwujud penyelidikan bersama antara Tenaga Akademik di FASS (Fakulti Sastera dan Sains Sosial) dan APB (Akademi Pengajian Brunei) dengan tenaga akademik di luar UBD (Universiti Brunei Darussalam), khususnya tenaga akademik daripada universiti-universiti yang mengikuti SSB (Seminar Sambil Belayar) dari Sorong ke Raja Ampat di Papua Barat, Indonesia ini. Selain itu, diharapkan juga akan ada Pelajar-pelajar daripada universiti-universiti yang mengikuti SSB untuk memohon *UBD Postgraduate Scholarship* bagi mengikuti program Sarjana atau S-2 dan Ph.D. atau S3 di APB dan FASS Universiti Brunei Darussalam.

Sesungguhnya, kerjasama dalam bidang penyelidikan antara satu atau lebih institusi-institusi di Indonesia dan Malaysia diharapkan bukan sahaja akan mengeratkan lagi hubungan sesama tenaga akademik, malah yang lebih penting akan memperkembang dan memperluas skop penyelidikan, mempertingkatkan kualiti dan pencapaian keilmuan, serta pembinaan tamadun bangsa-bangsa Melayu di rantau Asia Tenggara.⁷

Referensi

- Adelaar, K.A. (1988). "More on Proto-Malayan" dalam Mohd Thani Ahmad & Zaini Mohammed Zain [eds]. *Rekonstruksi dan Cabang-cabang Bahasa Melayu Induk: Seri Monograf Sejarah Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, ms.59-77.
- "A Global University Impacting Society" in *UTB Pulse: Universiti Teknologi Brunei*, on 17th Issue: September-December 2018. Available online also at: <http://www.utb.>

⁶**Rakaman dan Pengiktirafan:** Artikel ini – sebelum diubah-suai dan dikemas-kini dalam rupa-bentuknya sekarang – merupakan Kertas Kerja yang pernah dibentang dan dibincang dalam Agenda SSB (Seminar Sambil Belayar) dari Sorong ke Raja Ampat di Papua Barat, Indonesia, pada 10-14 Julai 2017. Saya merakamkan berbilang terima kasih dan tahniah kepada Urusetia dan Jawatan Kuasa ASPENSI (Asosiasi Sarjana Pendidikan Sejarah Indonesia) di Bandung, Jawa Barat, Indonesia, yang berjaya menganjur Agenda SSB dan menjemput saya selaku Pembentang dalam majlis persidangan. Saya juga merakamkan berbilang terima kasih kepada tuan Andi Suwarta, M.Hum., Pensyarah Kanan di Jabatan Pendidikan Sejarah FPIPS UPI (Fakulti Pendidikan Ilmu Pengetahuan Sosial, Universiti Pendidikan Indonesia) di Bandung, yang dah menolong dalam mengedit-semak dan mengemas-kini artikel ini, sehingga ianya layak – selepas diwasit oleh Ahli Sidang Pengarang Pakar – untuk diterbitkan dalam *SUSURGALUR: Jurnal Kajian Sejarah & Pendidikan Sejarah* ini. Walau bagaimanapun, semua kandungan dan pentafsiran dalam artikel ini kekal menjadi tanggung jawab akademik saya secara persendirian, dan tidak ada kenamengena dengan segala bantuan dan pertolongan dengan mana-mana pihak.

⁷**Kenyataan:** Saya, yang bertanda tangan di bawah ini, membuat kenyataan dengan sebenar bahawa kertas kerja ini adalah karya akademik saya secara persendirian; dan jelas ianya bukan dapatan plagiat, memandangkan semua sumber yang dipetik dan disentuh, sama ada terus mahupun tak terus, wujud secara penuh dalam Senarai Rujukan atau Referensi. Kertas kerja ini juga belum pernah dihantar kepada mana-mana jurnal akademik untuk diwasit dan diterbit, sama ada di Brunei Darussalam mahupun di luar negara. Saya, selaku Pengarang, bersedia menerima hukuman akademik, sekiranya mana-mana yang dinyatakan ini tidak selari dengan hakikat sebenar, atau bercanggah mengikut undang-undang dan peraturan akademik yang sedia ada.

- edu.bn/UTBPulsepdf/UTBPulse_17.pdf [accessed in Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam: 27th June 2020].
- Alatas, Syed Hussein. (1988). *Mitos Pribumi Malas: Citra Orang Jawa, Melayu, dan Filipina dalam Kapitalisme Kolonial*. Jakarta: Penerbit LP3ES, Terjemahan.
- Altbach, Philip G. (2010). "The State of the Rankings" in *Inside Higher Education*, on November 11.
- Arib, Ahmad. (2013). "Peluang untuk Mendapatkan Beasiswa S1, S2 & S3 di Brunei Darussalam". Wujud secara online di: <https://ahmadarib.com/peluang-untuk-mendapatkan-beasiswa-s1-s2-s3-di-brunei-darussalam.html> [diakses di Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam: 22 Jun 2020].
- Awae, Fais. (2016). "Alih Kod dalam Masyarakat Melayu Patani: Kajian Kes di Kawasan Kedai Lama Yala, Wilayah Yala, Selatan Thailand". *Tesis Ph.D. Tidak Diterbitkan*. Bandar Seri Begawan: FASS UBD [Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Brunei Darussalam].
- Bakri, Syamsul. (2020). *Islam Melayu: Mozaik Kebudayaan Islam di Singapura & Brunei*. Solo: PT Aksara Solopos. Wujud secara online pula di: <http://eprints.iain-surakarta.ac.id/2/1/Buku%20Islam%20Melayu-1.pdf> [accessed in Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam: 2 Januari 2021].
- Bekhradnia, Bahram. (2017). "International University Rankings: For Good or Ill?" in *Higher Education Policy Institute*, on February 15.
- Binchin, Pudarno. (2015). "Tamarok: Tradisi, Identiti, dan Cabaran". *Tesis Ph.D. Tidak Diterbitkan*. Bandar Seri Begawan: FASS UBD [Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Brunei Darussalam].
- Binchin, Pudarno. (2017). *Masyarakat Dusun dan Tamarok: Amalan Tradisi dan Masalah Interpretasi*. Bandar Seri Begawan: Jabatan Muzium-muzium Brunei.
- Burmat, Muslim. (2002). *Makna Sebenar sebuah Ladang*. Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam: Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei.
- Chuchu, Jaludin. (2007). "Bahasa Melayu Brunei dan Identiti: Hala Tuju ke Depan". *Kertas Kerja* dibentang dan dibincang dalam dalam Kongres Linguistik Nasional, anjuran Masyarakat Linguistik Indonesia, di Kusuma Sahid Prince Hotel, Surakarta, Jawa Tengah, Indonesia, pada 3-6 September. Wujud secara online pula di: <http://linguistik-indonesia.org/images/files/Bahasa%20Melayu%20Brunei%20dan%20Identiti.pdf> [diakses di Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam: 22 Jun 2020].
- Daud, Sabrina. (2019). "Universiti Brunei Darussalam (UBD): GenNEXT Education and Industry Collaboration". *Power Pointers* presented in Tokyo, Japan, on 27 February. Available online also at: <https://www.asean.or.jp/ja/wp-content/uploads/sites/2/GenNEXT-Education-and-Industry-CollaborationUniversiti-Brunei-Darussalam-1-en.pdf> [accessed in Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam: 8 June 2020].
- Effendi, Awang Haji Ahmad. (2014). "Falsafah Melayu Islam Beraja Hubungannya dengan Modeniti". *Tesis Ph.D. Tidak Diterbitkan*. Bandar Seri Begawan: APB UBD [Akademi Pengajian Brunei, Universiti Brunei Darussalam].
- Gunawan, D., Halkis & H. Muriadi. (2018). "Melayu Islam Beraja (MIB) sebagai Instrumen Pencegahan Insurjensi di Brunei Darussalam" dalam *Jurnal Prodi Perang Asimetris*, Vol.4, No.1 [April], ms.90-112.
- Ibrahim, Muhd Yusof. (2000). *Ilmu Sejarah: Falsafah, Pengertian, dan Kaedah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ismail, Hamidah *et al.* (2013). "Prestasi Perbandingan Sistem Fotovoltaik Solar Bersepadu Grid di Bawah Persekitaran Tropika". *Kertas Kerja* untuk IEEE Teknologi Grid Pintar Inovatif-Asia (ISGT Asia), ms.1-6.
- Jehwae, Phaosan. (2014). "Penguasaan Bahasa Melayu Standard dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Agama Islam (Sekolah Pondok) di Daerah Saiburi, Wilayah Patani Selatan, Thai". *Tesis Ph.D. Tidak Diterbitkan*. Bandar Seri Begawan: FASS UBD [Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Brunei Darussalam].
- Jehwae, Phaosan. (2016). "Penguasaan Perbendaharaan Bahasa Melayu Standard dalam Kalangan Pelajar Melayu di Sekolah Pondok di Patani, Thailand" dalam

- Jurnal Pustaka Budaya*, Volume 3(1), ms.17-37. Wujud secara online pula di: <https://journal.unilak.ac.id/index.php/pb/article/view/580> [diakses di Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam: 27 Jun 2020].
- Kanafi, I., Muhlisin & Susminingsih. (2015). "Konsep dan Implementasi Ajaran ASWAJA di Brunei Darussalam". *Laporan Hasil Penelitian Tidak Diterbitkan*. Pekalongan, Jawa Tengah: P3M STAIN [Pusat Penelitian dan Pengabdian Masyarakat, Sekolah Tinggi Agama Islam Negeri]. Wujud secara online pula di: <http://repository.iainpekalongan.ac.id/366/1/KONSEP%20DAN%20IMPLEMENTASI%20AJARAN%20ASWAJA> [diakses di Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam: 22 Jun 2020].
- Labi, Aisha. (2010). "Times Higher Education Releases New Rankings, but Will They Appear Skeptics?" in *The Chronicle of Higher Education*. London, UK [United Kingdom]: London University Press.
- Lateh, Muhammad. (2017). "Perusahaan Penanaman Padi di Negara Brunei Darussalam: Tuntutan Islam dan Budaya". *Tesis Ph.D. Tidak Diterbitkan*. Bandar Seri Begawan: APB UBD [Akademi Pengajaran Brunei, Universiti Brunei Darussalam].
- Mail, Haji Awang Asbol bin Haji. (2013). "Dasar-dasar Pendidikan Negara Brunei Darussalam, 1950-2010: Kemunculan dan Hubungannya dengan Falsafah MIB (Melayu Islam Beraja)" in *SUSURGALUR: Jurnal Kajian Sejarah & Pendidikan Sejarah*, Volume 1(2), September, ms.151-166. Bandung, Indonesia: Minda Masagi Press and UBD Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam, ISSN 2302-5808.
- Mail, Haji Awang Asbol bin Haji. (2020). "Dasar-dasar Pendidikan Negara Brunei Darussalam, 1972-2008: Menjejak Evolusi Mendepani Cabaran" in *ATIKAN: Jurnal Kajian Pendidikan*, Volume 10(1), June, ms.39-56. Bandung, Indonesia: Minda Masagi Press owned by ASPENSI with print-ISSN 2088-1290 and online-ISSN 2714-6243.
- Melayong, Muhammad Hadi Md. (2018). "Kajian dan Pendidikan Sejarah Asas Pengukuhan Melayu Islam Beraja: Pengalaman Negara Brunei Darussalam" dalam *Proceedings of the International Seminar Tri Matra: Exploring and Identifying the Dynamics and its Challenges of Cultural Transformation*. Wujud secara online pula di: <https://portal.uns.ac.id/javanologi/wp-content/uploads/sites/26/2018/05/kajian-dan-pendidikan-sejarah-asas-pengukuhan-melayu-islam-beraja-pengalaman-negara-brunei-darussalam.pdf> [diakses di Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam: 1 Jun 2020].
- Mukaromah, Kholila. (2015). "Pengajian Kitab *Bulug al-Maram* dalam *Majlisuzzikr* Brunei Darussalam: Kajian Hadis" dalam *Jurnal Studi Ilmu-ilmu al-Qur'an dan Hadis*, Vol.16, No.1 [Januari], ms.65-84. Wujud secara online juga di: <https://media.neliti.com/media/publications/271102-pengajian-kitab-bulug-al-maram-dalam-maj-c4cf078c.pdf> [diakses di Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam: 22 Jun 2020].
- Mundia, Lawrence. (2012). "Assessment of GenNEXT Learning Outcomes at the University of Brunei Darussalam: A Qualitative Review of Selected Opportunities, Benefits, and Challenges in Human Resource Development" in *Journal of International Education and Leadership*, Vol.2, Iss.3 [Fall], pp.1-21. Available online also at: <https://files.eric.ed.gov/fulltext/EJ1139416.pdf> [accessed in Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam: 8 Jun 2020].
- Nasir, Abdul. (2014). *Membangun Ekonomi Pertanian dari Perspektif Islam*. Negara Brunei Darussalam: UNISSA Press, cetakan pertama.
- Nordin, Ismail & Asbol Mail. (2005). *Dato Paduka Seri Setia Profesor Dr. Haji Awang Mahmud Saedon bin Awang Othman dalam Kenangan: Esai untuk Mengenang Naib Chancellor UBD, 1999-2002*. Bandar Seri Begawan: Penerbit UBD [Universiti Brunei Darussalam].
- Nurhayati, Enung. (2017). "Sistem Politik Gajah Mada dalam Pentologi Novel *Gajah Mada* Karya Langit Kresna Hariadi: Kajian Sosiologi Sastra". *Tesis Ph.D. Tidak Diterbitkan*. Bandar Seri Begawan: FASS UBD [Fakulti Sastra dan Sains Sosial, Universiti Brunei Darussalam].
- Nurhayati, Enung. (2018). *Gajah Mada: Sistem Politik dan Kepemimpinan*. Jakarta: Penerbit Narasi PT Buku Seru, penyunting S. Damaika.
- Prodjo, Wahyu Adityo. (2020). "Daftar Lengkap Program yang Ditawarkan dalam

- Beasiswa Brunei Darussalam” dalam *KOMPAS.COM*, pada 26 Januari. Wujud secara online pula di: <https://edukasi.kompas.com/read/2020/01/26/15371321/daftar-lengkap-program-yang-ditawarkan-dalam-beasiswa-brunei-darussalam> [diakses di Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam: 17 Januari 2021].
- “Program GenNEXT: UBD Lahirkan Ramai Celik Ilmu” dalam *Pelita Brunei*, pada 2015. Wujud secara online pula di: <http://www.pelitabrunei.gov.bn/Lists/Berita%202015/NewDisplayForm> [diakses di Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam: 8 Jun 2020].
- Puteh, Faridah binti Haji. (2019). “Potensi Wakaf terhadap Pertanian di Negara Brunei Darussalam: Aplikasi Kaedah Islam” dalam *JES STIE SAK: Jurnal Ekonomi Sakti*, Vol.VIII, No.2 [Desember], ms.94-106.
- Putra, I Nyoman Darma. (2016). “Konflik dan Kompromi dalam Cerpen-cerpen Berlatar Keluarga dari Asia Tenggara” dalam *AKSARA*, Vol.28, No.1 [Juni], ms.1-14.
- “QS World University Rankings: UBD Terus Menyerlah” dalam *Pelita Brunei*, pada 10 Jun 2020. Wujud secara online pula di: <http://pelitabrunei.gov.bn/Lists/Berita%202018/NewDisplayForm> [diakses di Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam: 15 Januari 2021].
- Radin, Haji Mohd Ali bin Haji. (2016). “Kajian Karya Muslim Burmat: *Terbenamnya Matahari dan Makna Sebenar sebuah Ladang* dalam Perspektif Historisme Baru”. *Tesis Ph.D. Tidak Diterbitkan*. Bandar Seri Begawan: FASS UBD [Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Brunei Darussalam].
- Radin, Mohd Ali. (2020). “Muslim Burmat dan Historisisme Baru” dalam *Jurnal Melayu*, Bil.19, No.1, ms.161-166.
- Raduan, Mahirah binti Haji Mohd. (2017). “APB Kaji Aspek Kehidupan Brunei”. Wujud secara online di: <http://hmjpubliemas.gov.bn/Documents/pdf/PB15Apr2017.pdf> [diakses di Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam: 1 Jun 2020].
- Redding, Gordon, Michael H. Bond & Michael A. Witt. (2012). “Culture and the Business Systems of Asia” in M.A. Witt & G. Redding [eds]. *The Oxford Handbook of Asian Business Systems*. Oxford: Oxford University Press.
- Ridho, Kholis *et al.* (2019). “Media Online dan Perilaku Keberagamaan Muslim: Pengalaman di Indonesia, Malaysia, dan Brunei Darussalam” dalam *DIALOG*, Vol.42, No.1 [Juni], ms.49-60.
- Saddhono, Kundharu *et al.* (2015). “Wacana Khotbah Jum’at di Asia Tenggara: Kajian Sosio-Pragmatik di Indonesia, Malaysia, Singapore, dan Brunei Darussalam”. *Hasil Penelitian Tidak Diterbitkan*. Solo, Jawa Tengah: FKIP UNS [Fakultas Keguruan dan Ilmu Pendidikan, Universitas Sebelas Maret Surakarta].
- Sari, S.N. & Herawati. (2018). “Pemerintahan Sultan Hassanal Bolkiah dan Perbankan Islam di Brunei Darussalam, 1984-2015 M” dalam *THAQĀFIYYĀT*, Vol.19, No.1 [Juni], ms.72-94.
- Shamsudin, Pengiran Haji Hidup bin Pengiran Haji. (2005). “Kajian Budaya dan Adat-Istiadat dalam Karya-karya Terpilih Kesusasteraan Brunei”. *Tesis Ph.D. Tidak Diterbitkan*. Bandar Seri Begawan: FASS UBD [Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Brunei Darussalam].
- Shiddiqui, Shamim A. *et al.* (1996). “Economic and Social Policies of Brunei: An Empirical Analysis” in *Philippine Review of Economics and Business*, Vol.XXXIII, No.1 [June].
- Sjamsuddin, Helius. (2007). *Metodologi Sejarah*. Yogyakarta: Penerbit Ombak.
- Solihin, I. (2020). “Peran Manusia dalam Kehidupan Fatalisme” dalam *Jurnal Al-Amar*, Vol.1, No.3 [Mei], ms.60-76.
- Sujoko. (2019). “Unsur Budaya dan Karakter Tokoh dalam Novel Gajah Mada Sumpah di Manguntur Karya Langit Kresna Hariadi” dalam *Jurnal Ilmiah Dikdaya*, ms.119-138. Wujud secara online pula di: <https://media.neliti.com/media/publications/81962-ID-unsur-budaya-dan-karakter-tokoh-dalam-no.pdf> [diakses di Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam: 27 Jun 2020].
- Tehtae, Fadeelan. (2019). “Campur Kode dalam Tuturan Masyarakat Patani, Thailand Selatan, di Jember”. *Skripsi Sarjana Tidak Diterbitkan*. Jember, Jawa Timur: Jurusan Pendidikan Bahasa dan Seni FKIP UNEJ [Fakultas Keguruan dan Ilmu

- Pendidikan, Universitas Jember]. Wujud secara online pula di: <https://repository.unej.ac.id/bitstream/handle/123456789/97791/FADEELAH%20TEHTAE> [diakses di Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam: 22 Jun 2020].
- “Titah Sempena Sambutan Hari Keputeraan Baginda Sultan yang ke-44 Tahun di Daerah Tutong, Negara Brunei Darussalam, pada 17 Julai 1990”. *Kertas Tidak Diterbitkan*, wujud dan ada pada Penulis.
- “Ucapan Dato Paduka Dr. Haji Zulkarnain bin Haji Hanafi dalam Majlis Konvokesyen ke-25 di UBD (Universiti Brunei Darussalam), Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam, pada 6 Zulkaedah 1434 H (Hijriah) bersamaan dengan 12 September 2013 M (Masehi)”. *Kertas Tidak Diterbitkan*, wujud dan ada pada Penulis.
- Weber, Max. (2015). *Etika Protestan dan Semangat Kapitalisme*. Yogyakarta: Narasi-Pustaka Promethea, Terjemahan.
- Yatim, Rais. (2014). *Pantun & Bahasa Indah: Jendela Budaya Melayu*. Kuala Lumpur: Endowment Publications, 2nd edition.
- Yusof, Rohani Mohd. (2009). “Situasi Bahasa Urak Lawoi di Pulau Adang, Thailand”. *Kertas Kerja* dibentang dan dibincang dalam Konferensi Internasional Masyarakat Linguistik Indonesia (KIMLI), bertempat di Indonesia, pada 5-7 November. Wujud secara online pula di: <http://sastra.um.ac.id/wp-content/uploads/2010/01/076-Rohani-Univ.-Malaya-Situasi-Bahasa-Urak-Lawoi-di-Pulau-Adang-Thailand.pdf> [diakses di Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam: 22 Jun 2020].
- Yusof, Malai Yunus bin Malai. (2014). “Pengaruh Sosio-Budaya dalam Pencapaian Perniagaan Orang Melayu dan Cina di Negara Brunei Darussalam”. *Tesis Ph.D. Tidak Diterbitkan*. Bandar Seri Begawan: APB UBD [Akademi Pengajian Brunei, Universiti Brunei Darussalam].
- Yusof, Malai Yunus Malai. (2015). “Pengaruh Persepsi dalam Pencapaian Peniaga Cina di Negara Brunei Darussalam” dalam *SUSURGALUR: Jurnal Kajian Sejarah & Pendidikan Sejarah*, Vol.2(2), Maret, ms.113-128. Bandung, Indonesia: Minda Masagi Press and UBD Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam, ISSN 2302-5808.
- Zakaria, Zulkifli bin Haji. (2016). “Khutbah Jumat di Negara Brunei Darussalam: Satu Analisis dari Aspek Psikologi dan Komunikasi”. *Tesis Ph.D. Tidak Diterbitkan*. Bandar Seri Begawan: APB UBD [Akademi Pengajian Brunei, Universiti Brunei Darussalam].
- Zed, Mestika. (2008). *Metode Penelitian Kepustakaan*. Jakarta: Penerbit YOI [Yayasan Obor Indonesia].
- Zubaida, Rizki Adistya. (2012). “Analisis Tokoh dan Nilai Pendidikan dalam Novel Gajahmada Karya Langit Kresna Hariadi: Tinjauan Psikologi Sastra”. *Skripsi Sarjana Tidak Diterbitkan*. Solo, Jawa Tengah: Jurusan Pendidikan Bahasa dan Seni FKIP UNS [Fakultas Keguruan dan Ilmu Pendidikan, Universitas Sebelas Maret Surakarta]. Wujud secara online pula di: <https://digilib.uns.ac.id/dokumen/detail/27033/Analisis-Tokoh-dan-Nilai-Pendidikan-dalam-Novel-Gajahmada-Karya-Langit-Kresna-Hariadi-Tinjauan-Psikologi-Sastra> [diakses di Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam: 27 Jun 2020].



Agenda SSB (Seminar Sambil Berlayar) dan Kerjasama Akademik
(Sumber: Arkib Photo ASPENSI di Bandung, 09/10/2017)

Kerjasama dalam bidang penyelidikan antara satu atau lebih institusi-institusi di Indonesia dan Malaysia diharapkan bukan sahaja akan mengeratkan lagi hubungan sesama tenaga akademik, malah yang lebih penting akan memperkembang dan memperluas skop penyelidikan, mempertingkatkan kualiti dan pencapaian keilmuan, serta pembinaan tamadun bangsa-bangsa Melayu di rantau Asia Tenggara.